SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Pengajian Am Sem 1 Sabah

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAHAGIAN A
[15 markah]

*Jawab **semua** soalan*

1. Yang manakah berikut berkaitan dengan perlembagaan negeri-negeri di Malaysia?
   A Ketua negeri menjalankan kuasa eksekutif negeri
   B Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal akta
   C Perlembagaan negeri tidak terikat dengan Perlembagaan Persekutuan
   D Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menjalankan kuasa eksekutif negen

2. Yang manakah benar tentang pembahagian kuasa perundangan yang disenaraikan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan di bawah?

	Senarai Persekutuan	**Senarai Negeri**	**Senarai Bersama**
A	Pertahanan	Perumahan	Hiburan awam
B	Pendidikan	Penyu	Biasiswa
C	Pertanian	Kewangan	Kutu rayau
D	Kebajikan masyarakat	Tanah	Kebajikan orang asli

3. Yang manakah pernyataan yang benar tentang sistem pilihan raya di Malaysia?
A Semua rakyat yang beruniu 21 tahun ke atas layak mengundi
B Isteri pelajar sepenuh masa di luar negara boleh mengundi secara pos
C Suruhanjaya Pilihan Raya yang menentukan tarikh pembubaran Parlimen
D Persempadanan kawasan pilihan raya dilakukan oleh Jawatankuasa Parlimen

4. Yang manakah tugas Suruhanjaya Pilihan raya?
A Menerima petisyen pilihan raya
B Menentukan tarikh pembubaran parlimen
C Menentukan lambang-lambang parti yang bertanding
D Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih

5. Yang manakah berikut perkara-perkara yang boleh dipinda oleh Dewan Undangan Negeri?
A Bintang kebesaran
B Gelaran kehormat
C Semua bentuk sumpah
D Pelantikan Yang Dipertua Negeri

6. Yang manakah perfantikan jawatan penting berikut memerlukan rundingan dengan Majlis Raja-Raja
A Perdana Menteri
B. Peguam Negara
C Ketua Audit Negara
D Ketua Setiausaha Negara

7. Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicara dalam melaksanakan tugas berikut iaitu melantik
A Ahli Suruhanjaya
B Peguam Negara
C Perdana Menteri
D Ketua Hakim Negara

8. Yang manakah berikut merupakan jentera pentadbiran Kerajaan Persekutuan
A Kabinet
B Parlimen
C Majlis Raja-Raja
D Yang di-Pertuan Agong

9. Yang manakah berikut merupakan tugas Ketua Whip?
A Menentukan tarikh mengadakan mesyuarat
B Menentukan kehadiran atau menyokong sesuatu usul
C Memberi nasihat kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat
D Menghantar notis untuk memulakan persidangan kepada ahli Dewan rakyat

10. Ahli Parlimen telah diarah keluar oleh Yang di Pertua Dewan Rakyat. Kes ini boleh dirujuk kepada
A Jawatankuasa Dewan
B Jawatankuasa Pemilih
C Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat
D Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

11.

* Kuasa Y ● Menambah Ahli Dewan Negara ● Mengurangkan Ahli Dewan Negara

Pihak yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan perkara di atas ialah
A Parlimen
B Peguam Negara
C Majlis Raja-Raja
D Yang Dipertua Dewan Negara

12. Yang manakah fungsi Majlis Parlimen?
A Membincangkan isu masyarakat
B Memastikan undang-undang dilaksanakan
C Meluluskan hal yang berkaitan dengan tanah negeri
D Meluluskan program pembangunan yang dilaksanakan kerajaan

13. Yang manakah tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang?
A Memecat Peguam Negara
B Menentukan saraan para hakim
C Melantik Hakim Mahkamah Tinggi
D Mengesahkan jawatan kakitangan Jabatan Peguam Negara

14. Siapakah yang menentukan kehadiran atau menyokong sesuatu usul?
A Ketua Majlis
B Ketua Whip
C Setiausaha Dewan
D Yang Dipertua Dewan

15. Yang mana perlu dilakukan untuk memantapkan sistem dan prosedur kerja?
A Kepantasan membuat keputusan
B Kebebasan membuat keputusan
C Keterbukaan dalam mengambil tindakan
D Keberanian menanggung risiko

BAHAGIAN B
[15 markah]

*Jawab **semua** soalan*

16. (i) Jelaskan Konsep Kerajaan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan oleh negara Malaysia. [1]

……

……

……

(ii) Nyatakan tiga tugas perundangan yang dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong Atas kapasiti sebagai ketua negara. [3]

a)……

b)……

c)……

17. (i) Jelaskan konsep sebuah negara yang berdaulat. [1]

……

……

(ii) Berikan tiga kuasa yang dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja dalam sistem pentadbiran negara. [3]

a) ……

b) ……

c) ……

18. Nyatakan tiga kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. [3]

a) ……

b) ……

c)……

19. Nyatakan empat langkah yang dilaksanakan bagi memantapkan lagi Sistem Penyampaian dalam Perkhidmatan Awam. [4]

a) ……

b) ……

c) ……

d) ……

BAHAGIAN C
[50 markah]

Pilih **dua** *daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

20. Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi menjadi pemangkin kepada tadbir urus yang cekap. Jelaskan.

21. Perbelanjaan menggunakan kad debit semakin melonjak sejak kebelakangan ini. Banyak kelebihan menggunakan kad debit dalam perbelanjaan seharian mereka, namun terdapat juga kelemahannya. Bincangkan.

22. Penyeludupan barangan sering berlaku terutamanya pada musim perayaan. Gejala ini perlu dibendung dengan mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya. Bincangkan.

SOALAN TAMAT

SKEMA

BAHAGIAN A

NO SOALAN	JAWAPAN
1.	D
2.	B
3.	B
4.	D
5.	C
6.	C
7.	C
8.	A
9.	B
10.	D
11.	A
12.	A
13.	D
14.	B
15.	A

BAHAGIAN B

16. (i) Kerajaan Demokrasi Berparlimen bermaksud pemerintahan demokrasi yang dijalankan secara perwakilan iaitu perwakilan yang dipilih melalui proses pilihan raya

(ii) a. Memanggil Parlimen bermesyuarat dari semasa ke semasa.
b. Memberhenti dan membubarkan Parlimen.
c. Memberi ucapan dalam mana-mana Majlis Parlimen (sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara) d. Memperkenankan Rang Undang-Undang
e. Melantik dua orang senator bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang untuk Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya serta mempunyai kuasa melantik senator lain.

17 (1) Konsep sebuah negara berdaulat ialah negara yang mempunyai kerajaan dan yang mampu mentadbir tanpa pengaruh kuasa asing dan mempunyai identiti sendiri serta mempunyai hubungan luar
(ii) (a) Majlis Raja-Raja berkuasa untuk memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan mengikut peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga setiap lima tahun mengikut giliran 9 orang Raja-Raja Melayu.
(b) Majlis Raja-Raja memberi persetujuan atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan,atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan.
(c) Majlis Raja-Raja membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa perlantikan yang memerlukan
persetujuan Majlis Raja-Raja seperti perlantikan Ketua Hakim Negara, Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Ketua Audit Negara, dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan, dan Suruhanjaya Pilihan Raya
(d) Majlis Raja-Raja berkuasa melantik anggota-anggota Mahkamah Khas (Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan) - Memberi ampun, reprieve dan respite, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman-hukuman (Perkara 42)
(e) Majlis Raja-Raja menimbangkan soal-soal mengenai dasar-dasar negara dan apa-apa jua perkara lain yang difikirkannya sesuai.
(f) Majlis Raja-raja hendaklah diminta pandangan sebelum dibuat apa-apa perubahan tentang dasar mengenai tindakan pentadbiran di bawah perkara 153 (Mengenai kedudukan dan keistimewaan orang Melayu, Bumiputera serta juga hak kaum-kaum lain)
(g) Majlis Raja-Raja mempertimbangkan perubahan sempadan negeri

18 (a) Kuasa perancang tempatan
(b) Kuasa mengeluarkan lesen
(c) Kuasa mengenakan cukai-cukai tertentu
(d) Membina bangunan, perumahan, dan unit-unit perdagangan(pasar, gerai, dll)
(e) Kuasa untuk menjalankan fungsi merancang dan menguruskan kawasan bandar
(f) Kuasa mengurus dan mengawal lalulintas (termasuk mengurus sistem pengangkutaan awam bandaran)
(g) Kuasa untuk merancang dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam

19 (a) Membangunkan modal insan
(b) Mewujudkan pengawasan dan kawalan pihak kerajaan terhadap agensi pelaksana
(c) Memperkenalkan konsep Kepimpinan Melalui Teladan dalam sektor awam
(d) Menyelaraskan dasar dan polisi antara jabatan dalam setiap kementerian
(e) Membentuk imej agensi dan jabatan kerajaan yang bersih, cekap, dan telus
(f) Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang inovatif, kreatif, dan cekap

Soalan 20

	Isi/ Idea
1.	Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti
2.	Meingkatkan imej tadbir urus
3.	Meningktkan pendapatan sektor awam
4.	Meningatkan kemahiran sumber awam
5.	Meningkatkan keyakinan rakyat
6.	Menyelaraskan dasar oerkhidmatan awam

Soalan 21

	Isi/ Idea
Kelebihan	
1.	Bayaran tanpa tunai
2.	Pemilik tidak berhutang
3.	Dapat mengawal prrbelanjaan
kelemahan	
4.	Tiada jaminan perlindungan
5.	Transaksi online
6.	Bayaran minimum

Soalan 22

	Isi/ Idea
sebab	
1.	Keuntungan yang banyak
2.	Permintaan produk tinggi
3.	Pertambahan penduduk
4.	Kos pengeluaran rendah
langkah	
5.	Pengeuatkuasaan undang-undang
6.	Kemoen kesedaran
7.	Dasar kerajaan

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar